



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 1.00 tengah hari, 25 November 2024

Untuk Terbitan Media  
25 November 2024

## SIARAN MEDIA

### PENGHANTAR P-HAILING ALAMI KECEDERAAN PARAH DI KEPALA TERIMA FAEDAH PERKESO

**SEMENYIH** – Penghantar *P-hailing* yang terlibat dalam kemalangan jalan raya sehingga mengakibatkan *Severe Traumatic Brain Injury* menerima Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS) daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO, Azirruan Arifin menjelaskan, Ahmad Hariths Mustafar, 23 adalah pencarum di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) sejak 29 April lalu dan beliau layak menerima faedah di bawah Skim Bencana Kerja selepas terlibat dalam kemalangan serius semasa menjalankan tugas penghantaran.

“Kemalangan tersebut berlaku pada 4 Jun lalu di Jalan Semenyih berhadapan Dataran Dato Mohd Said, dimana motosikal yang ditunggang mangsa telah terbabas sehingga mengakibatkan kecederaan serius di kepala, serta terpaksa menjalani pembedahan *right decompressive craniectomy, evacuation of clot* dan *tracheostomy* di Hospital Kajang.

“Setakat ini, PERKESO telah menyalurkan Faedah Hilang Upaya Sementara dengan nilai kumulatif berjumlah RM6,406.68 kepada Hariths.

“Bantuan ini akan terus diberikan secara berperingkat memandangkan keadaan beliau yang masih belum pulih sepenuhnya dan memerlukan penjagaan serta pemantauan rapi,” ujar Azirruan.

Dalam usaha meringankan beban keluarga mangsa, Azirruan turut memaklumkan PERKESO telah menyampaikan bantuan peralatan perubatan dan pemulihan seperti *Tilt in space Wheelchair, Recliner Commode* serta bekalan lampin pakai buang.

"Pada masa ini, Hariths masih memerlukan bantuan penuh daripada ahli keluarga untuk menguruskan dirinya dan beliau kini bergantung pada makanan cecair melalui tiub, di samping perlu menjalani sesi fisioterapi bulanan di Hospital Serdang dan Hospital Putrajaya.

"Sekiranya keadaan Hariths menunjukkan kemajuan, PERKESO bersedia menyediakan rawatan pemulihan lanjutan di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR) di Melaka. Langkah ini bertujuan mempercepatkan proses pemulihannya agar beliau dapat kembali bekerja," jelas Azirruan ketika mengadakan Ziarah Prihatin ke kediaman Hariths di Semenyih.

Kes ini membuktikan kepentingan caruman PERKESO dalam menyediakan jaringan keselamatan sosial kepada individu bekerja sendiri bukan sahaja dapat membantu meringankan kos perubatan dan pemulihan, malah bertindak sebagai perlindungan serta sokongan kewangan yang amat diperlukan ketika musibah.

Dalam Ziarah Prihatin tersebut ibu bapa Hariths, Kamariah Othman@Pangat,58 dan Mustafar Mat Jaba, 60 turut menerima sumbangan Kotak Prihatin PERKESO berupa barang keperluan harian.

Turut hadir dalam Ziarah Prihatin ini adalah Ketua Bahagian Skim Pekerjaan Sendiri PERKESO, Mohamad Haron Othman dan Pengurus Pejabat PERKESO Putrajaya, Norliza Noordin.

**Tamat**  
###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*'no one left behind'*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**  
**25 November 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**  
**+6019-7107479**  
[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)